

46

Penggunaan Teknik Drama dan Rutin Berfikir FTT dalam Pengajaran Golongan Kata

Ribut Nawi

ribut_nawi@moe.edu.sg

Humairiah Ahmad

humairiah_ahmad@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Yishun

Abstrak

Pemahaman tentang golongan kata yang terbatas dalam kalangan murid-murid berpunca daripada kurang pemahaman mengenai konsep dan juga kosa kata yang terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan rutin berfikir dan teknik drama bagi menjadikan pengajaran berkaitan golongan kata lebih efektif dan menarik. Teknik drama dapat menolong murid-murid mempelajari kosa kata yang baharu dan membina keyakinan diri seperti yang dikatakan oleh Alan Maley (1982). Sampel kajian terdiri daripada murid Darjah 4. Berdasarkan respons murid-murid, 90% mengatakan mereka menggemari pengajaran bahasa yang melibatkan mereka belajar secara aktif. Penggunaan teknik drama dan rutin berfikir ialah pilihan inovatif yang terbukti berkesan meningkatkan pemahaman murid-murid mempelajari golongan kata Melayu.

Kata Kunci: teknik drama, rutin berfikir, pemahaman, seronok, meningkatkan pemahaman



PENGENALAN


Pengajaran tatabahasa adalah sesuatu yang teknikal dan jika dijalankan secara konvensional boleh menjadikan pembelajaran membosankan bagi murid-murid. Terdapat keperluan untuk tatabahasa diajar secara eksplisit agar murid-murid dapat memahami konsepnya dengan jelas. Kosa kata terhad yang dipunyai oleh murid juga menjadi penghalang bagi mereka untuk menggunakan Bahasa secara meluas dan kreatif. Oleh yang demikian, guru harus menggunakan strategi yang dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tatabahasa lebih menyeronokkan dan berpusat kepada murid.

Penggunaan teknik drama yang pelbagai tahap melibatkan pembelajaran secara kooperatif. Kaedah ini dapat membimbing murid-murid dalam pembelajaran dan penilaian sendiri. Kaedah rutin berfikir yang disarankan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) pula membantu murid-murid menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam perbincangan secara berkumpulan dan menghasilkan sesuatu yang berkualiti. Aktiviti-aktiviti drama yang inovatif dan kreatif juga dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan kepada murid-murid selain meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai golongan kata.

PERNYATAAN MASALAH

PdP tatabahasa sering dianggap sebagai suatu proses yang kurang memberi penekanan kepada pembelajaran kooperatif atau pelibatan aktif daripada murid-murid. Ini mungkin disebabkan oleh fokus pengajaran yang memerlukan pemahaman penggunaan bahasa tersebut melalui penyampaian yang berstruktur dan secara eksplisit. Perkara ini menimbulkan kesukaran bagi guru untuk mengetahui keberkesanan pengajaran dan tahap pemahaman murid-murid mengenai sesuatu topik atau komponen bahasa yang diajarkan. Keterbatasan kosa kata juga menjadi isu yang harus ditangani agar murid dapat meningkatkan penggunaan golongan kata yang sesuai.

Justeru, satu usaha bagi membantu meningkatkan pelibatan murid-murid secara aktif dan seterusnya dapat mengukur pemahaman serta penguasaan bahasa mereka adalah melalui beberapa teknik drama yang digunakan sebagai pemangkin untuk menjana daya kreativiti, imaginasi dan memberi keyakinan diri di samping penggunaan rutin berfikir yang menyokong proses perbincangan



dalam kumpulan.

Dengan menerapkan elemen-elemen keseronokan dalam pembelajaran bahasa, murid-murid akan memberi lebih perhatian dan dapat meningkatkan penguasaan serta meluaskan kosa kata mereka. Ini diharapkan dapat membantu mereka untuk melakukan yang lebih baik dalam tugas harian dan ujian yang dihadapi.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. menilai keberkesanan penggunaan teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu;
2. melihat keberkesanan rutin berfikir dalam menjana idea dan pemikiran kritis murid-murid; dan
3. meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid-murid mengenai golongan kata.

KAJIAN LEPAS

“Tell me and I forget. Teach me and I remember. Involve me and I learn.” (Benjamin Franklin). Seperti apa yang dikatakan oleh beliau bahawa setiap pengajaran yang dijalankan harus melibatkan murid-murid kerana mereka akan belajar melalui pelibatan langsung dan pengalaman yang diraih daripada melakukannya. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi guru untuk menentukan PdP yang dijalankan melibatkan murid-murid secara aktif.

Jeffrey D. Wilhelm (2006) menulis dalam sebuah artikel menyatakan bahawa melalui drama murid-murid akan menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran dan bukan setakat menjadi pemerhati dan penerima maklumat secara pasif. Dengan ini juga pembelajaran mereka akan menjadi lebih mendalam, berterusan dan pelbagai.

Kelebihan pada teknik drama ini membolehkan murid-murid untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri secara aktif dalam proses PdP. Mereka dapat meluahkan perasaan dan pemikiran mereka secara terbuka dan pada masa yang sama memahami konsep yang disampaikan oleh guru.



KAEDAH KAJIAN

Pelbagai teknik drama yang berbeza tahap telah digunakan semasa mengajar golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka (FTT) pula membolehkan murid-murid meneroka beberapa kemungkinan yang dapat disesuaikan ketika menghasilkan tugas dalam kumpulan.

Teknik-teknik drama diterapkan ke dalam pengajaran supaya murid-murid dapat menguasai kemahiran berbahasa sementara rutin berfikir menyokong proses penguasaan dan pemahaman kandungan pelajaran dengan lebih baik.

Bagi mencapai objektif pengajaran golongan kata, rancangan pelajaran dilakar secara berperingkat dan eksplisit. Setiap teknik yang digunakan mempunyai objektif khusus dalam menyampaikan kandungan pelajaran tersebut. Kajian ini melibatkan pembelajaran secara berkumpulan maka kajian ini bersesuaian dengan tujuan utama penggunaan teknik drama yang dilakukan secara kolaboratif dan kooperatif. Perbincangan yang terhasil daripada rutin berfikir pula meningkatkan kemahiran murid-murid membuat penilaian yang khusus.


Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 4 seramai 28 orang. Secara keseluruhan, mereka mempunyai tahap kebolehan yang agak tinggi. Pemilihan subjek kajian ini dilakukan kerana didapati ada kelemahan dalam kemahiran berbahasa serta kosa kata yang terhad dalam kalangan mereka. Dapatan ini dikumpul melalui pemerhatian guru terhadap tugas yang dibuat oleh murid-murid dan jawapan mereka di kertas ujian. Perkara yang serupa juga dapat dilihat melalui isi karangan yang ditulis oleh murid-murid.

Instrumen Kajian

Pencapaian murid-murid dapat dilihat daripada keberkesanan penyampaian mereka melalui lakonan atau tugas yang dibuat secara berkumpulan. Hasil kerja daripada lembaran kerja dan latihan membina ayat yang diberikan pada akhir setiap sesi pengajaran diambil kira sebagai penilaian pemahaman mereka.

Maklum balas yang diperoleh dari penilaian sendiri dan sesi perbincangan



juga digunakan sebagai rujukan. Penilaian sendiri melibatkan respons murid-murid yang dapat menyenaraikan seberapa banyak golongan kata yang berkaitan dengan lakonan rakan mereka. Ayat-ayat yang gramatis serta penggunaan kosa kata yang bersesuaian dapat menunjukkan bahawa murid-murid telah dapat memahami konsep golongan kata yang telah dipelajari.


Hasil daripada perbincangan dengan kumpulan menunjukkan mereka telah menghasilkan satu persembahan dan lakonan yang menarik dan dapat mencapai matlamat mereka.

Prosedur Kajian

Kajian berlangsung selama enam sesi pelajaran dan mengambil masa lebih kurang satu setengah jam bagi setiap sesi mengikut tahap yang berbeza. Beberapa teknik drama berdasarkan tahap berbeza telah digunakan dalam kajian ini iaitu 'Selendang Ajaib', 'Penjual Produk' dan 'Pantomim' yang kesemuanya melibatkan pengajaran golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Setiap teknik drama memerlukan dua sesi.

Bagi pelajaran pertama, setiap murid dikehendaki memikirkan objek atau barang lain yang boleh dicipta daripada sehelai selendang. Mereka juga harus memberikan satu kegunaan objek dan satu perkataan yang menerangkan objek tersebut. Guru mencatatkan senarai kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang diberikan oleh murid. Kemudian, mereka melakukan kerja kumpulan dengan setiap kumpulan diberikan objek yang berlainan seperti pengorek gigi, pin baju dan lain-lain. Mereka dikehendaki berfikir dan berbincang untuk menyenaraikan kegunaan lain bagi objek-objek tersebut. Perbincangan diadakan pada akhir sesi kedua agar rakan-rakan dari kumpulan lain dapat memberi maklum balas pada senarai yang telah dibuat.

Bagi pelajaran kedua, dengan menggunakan rutin berfikir FTT, setiap kumpulan diberi masa untuk menghasilkan suatu produk dan memikirkan cara terbaik bagi mereka dapat menjual produk tersebut. Untuk sesi pertama, mereka memikirkan satu produk, menyenaraikan kegunaannya dan kata adjektif yang berkaitan dengan produk tersebut. Mereka juga harus berbincang tentang strategi untuk menjual produk tersebut yang memerlukan mereka membuat poster tentang produk itu. Pada sesi seterusnya, setiap kumpulan membuat persembahan untuk 'menjual' produk ciptaan mereka dengan gaya yang boleh menarik minat



pembeli-pembeli. Setelah setiap kumpulan membuat persembahan, guru akan menunjukkan catatan perbincangan yang dibuat oleh setiap kumpulan dan memberikan maklum balas tentang kesesuaian perkataan yang digunakan bagi produk yang dicipta.

Bagi pelajaran ketiga yang menggunakan teknik 'Pantomim', murid-murid berbincang sekali lagi secara berkumpulan mengenai satu situasi pilihan mereka. Mereka dikehendaki melakonkan situasi tersebut dengan hanya menggunakan pergerakan anggota badan dan mimik muka untuk menunjukkan ekspresi atau perasaan mereka. Di akhir setiap lakonan, rakan-rakan dari kumpulan yang lain akan cuba meneka situasi yang dipersembahkan. Mereka juga perlu memberikan senarai kata kerja dan kata adjektif yang digunakan semasa lakonan tersebut.

Secara umum, jika dilihat pada proses pengajaran yang dijalankan pada setiap sesi, terdapat perbincangan dalam kumpulan di mana murid-murid menggunakan rutin berfikir FTT untuk menjana idea bagi tugas yang diberikan. Ini menyokong pembelajaran secara kooperatif.

Untuk menilai pemahaman murid-murid mengenai golongan kata yang telah dipelajari melalui enam sesi itu, guru memberi murid-murid tugas membina ayat dengan menggunakan kata nama, kata kerja dan kata adjektif daripada senarai yang diberikan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid berasa seronok dan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa serta kosa kata mereka. Dapatan ini diperolehi berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid-murid yang kreatif melalui lakonan dan persembahan mereka. Setelah menjalankan aktiviti 1, setiap murid dapat memberikan kata nama iaitu objek yang dicipta daripada sehelai selendang berserta kata kerja dan kata adjektif yang berkaitan dengan objek yang telah dicipta. Rujuk Jadual 1. Rujuk Jadual 2 untuk kerja kumpulan.

Jadual 1: Contoh Perkataan – Penggunaan Objek

Kata Nama (Objek)	Kata Kerja	Kata Adjektif
penyapu	membersihkan lantai	panjang
jala	menangkap ikan	lebar
jam tangan	melihat waktu	mahal

539

Seminar Bahasa Melayu 2018



Jadual 2: Contoh Perkataan – Pelbagai Kegunaan Objek


Kata Nama (Objek)	Kata Kerja	Kata Adjektif
putik kapas	mewarna lukisan membersihkan papan kekunci menghidupkan api lilin	lembut halus kecil
pin baju	mencantum kain koyak memancing ikan membersihkan bawah kuku	lebar tajam bahaya

Bagi aktiviti dua pula, setiap kumpulan dapat berbincang dan membuat atau mencipta satu produk untuk dijual. Mereka dapat melakonkan dengan bersungguh-sungguh untuk 'menjual' produk mereka dengan cara yang sangat kreatif melalui iklan yang menarik. Untuk menjual produk dengan berkesan dan menarik, setiap kumpulan melukis gambar dan membuat skrip untuk persembahan. Jadual 3 menunjukkan senarai produk yang dipilih.

Jadual 3: Contoh Perkataan – Produk Jualan

Kata Nama (Produk)	Kata Kerja (Kegunaan)	Kata Adjektif
Kumpulan 1: sabun mandi	mewangikan badan melembutkan kulit	keras mudah
Kumpulan 2: kotak pensel	menyimpan alat tulis menjadikan beg duit syiling	besar berwarna-warni

Pada akhir aktiviti 3, secara berkumpulan, murid-murid telah dapat melakonkan situasi yang menjadi pilihan mereka dengan sangat kreatif dan menarik. Mereka telah dapat menyampaikan situasi dengan berkesan. Rakan-rakan yang lain telah dapat meneka situasi yang ingin disampaikan dan juga kata kerja serta kata adjektif yang dilihat melalui lakonan pantomim tersebut. Rujuk Jadual 4.



Jadual 4: Contoh Perkataan – Pantomim

Kata Nama (Situasi)	Kata Kerja (Pergerakan anggota badan)	Kata Adjektif (Mimik muka)
Kumpulan 1: kebakaran	berlari ke sana-sini memadamkan api	cemas sedih
Kumpulan 2: rompakan	merampas mengejar	takut gembira


Berdasarkan borang refleksi dan hasil kerja murid, guru dapat melihat keberkesanan penggunaan teknik drama dalam meningkatkan pemahaman murid-murid mengenai golongan kata dan penggunaan kosa kata yang terbit daripada aktiviti-aktiviti yang telah mereka lalui. Rujuk Jadual 5.

Jadual 5: Respons Murid

	Sangat boleh %	Boleh %	Hampir boleh %	Masih mencuba %
Saya boleh...				
1. Mengenal Golongan Kata				
• Kata Nama	35.7 (10)	64.3 (18)		
• Kata Kerja	75.0 (21)	25.0 (7)		
• Kata Adjektif	60.7 (17)	39.3 (11)		
2. Berlakon dan membuat persembahan di hadapan rakan-rakan	21.0 (6)	39.3 (11)	25.0 (7)	14.3 (4)
3. Membina ayat menggunakan kata nama/kata kerja/kata adjektif	25.0 (7)	64.3 (18)	10.7 (3)	


Nota: Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.

Dapatan menunjukkan bahawa murid-murid memberi respons yang baik. Mereka



telah dapat mengenali golongan kata dengan lebih baik melalui aktiviti-aktiviti drama yang dijalankan. Terdapat sebilangan kecil murid-murid yang tidak dapat berlakon dengan baik. Ini kemungkinan merupakan pengalaman pertama kali murid dan kurang keyakinan diri semasa berlakon di hadapan rakan-rakan mereka. Rujuk Rajah 1.


Rajah 1: Respons Murid Mengenai Aktiviti Drama



Hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan murid dapat melakukan tugas di lembaran kerja yang melibatkan latihan membina ayat dengan menggunakan golongan kata daripada senarai yang diberikan. Teknik drama yang digunakan membolehkan murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Dari sudut kerja kumpulan pula, kerjasama dan persefahaman dapat dilihat dengan jelas terutama sekali ketika menjalankan rutin berfikir FTT.

KESIMPULAN

Penggunaan teknik drama secara bertahap ialah pengajaran inovatif yang menjadikan pembelajaran satu pengalaman yang menyeronokkan serta dapat menjana daya imaginasi murid-murid. Teknik ini juga dapat meningkatkan pengetahuan dan penggunaan golongan kata mereka. Rutin berfikir melahirkan pemikiran kreatif yang telah menolong murid-murid menjadi lebih kritis ketika berbincang dalam menghasilkan tugas secara berkumpulan dengan meneroka beberapa ruang dan kemungkinan. Ayat-ayat yang gramatis dan penggunaan



perkataan yang sesuai yang tertera melalui tugas bina ayat yang dibuat secara individu, jelas menunjukkan pengembangan kosa kata dalam kalangan murid-murid.

Keberkesanan teknik drama bertahap dalam pengajaran bahasa memberi ruang bagi penerapan pelbagai teknik drama yang sesuai dalam pengajaran yang ingin disampaikan agar lebih berkesan dan menyeronokkan bagi murid-murid. Pengajaran lisan adalah amat sesuai untuk menggunakan teknik drama dan dalam perancangan untuk masa akan datang kerana pengajaran ini berkehendakkan murid-murid menunjukkan kemahiran mereka berinteraksi dan mengekspresikan perasaan dan idea dengan gaya tersendiri.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Kusumawati Ahmad Dafir

RUJUKAN

Wilhelm J.D. (2016). *The age for drama* by Boise State Scholarworks scholarworks.boisestate.edu, A&S, English, English Publications, 162

Maley, Alan and Duff. A. (1982). *Drama techniques in Language Learning*. Cambridge University Press, Cambridge.

Boudreault. The Benefits of Using Drama in the ESL/EFL Classroom iteslj.org/Articles/Boudreault-Drama.html

Drama Strategies | Drama Resource <https://dramaresource.com/drama-strategies/>

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

[https://www.slideshare.net/.../teknik-drama-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran Bahasa Melayu](https://www.slideshare.net/.../teknik-drama-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran-Bahasa-Melayu)

[https://www.scribd.com/.../teknik-teknik-dalam-pengajaran-Bahasa Melayu](https://www.scribd.com/.../teknik-teknik-dalam-pengajaran-Bahasa-Melayu)

